



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

RISIKO GEOPOLITIK YANG MEMUNCIAK DI ASIA BARAT MENINGKATKAN LAGI HARGA PETROL DAN DIESEL TANPA SUBSIDI

Berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit RON97 dan RON95 tanpa subsidi masing-masing meningkat 20 sen seliter, manakala harga diesel tanpa subsidi meningkat 35 sen seliter bagi tempoh 23 Julai hingga 29 Julai 2026.

Harga produk petroleum tanpa subsidi dipengaruhi oleh pergerakan pasaran minyak dunia pada minggu terdahulu. Harga minyak mentah Brent meningkat sebanyak 16% sepanjang minggu lalu apabila konflik antara Amerika Syarikat dan Iran kembali memuncak selepas berakhirnya tempoh gencatan senjata.

Sekatan terhadap perkapalan serta pengurangan aliran kapal melalui Selat Hormuz telah meningkatkan kebimbangan terhadap gangguan bekalan petroleum global.

Kenaikan harga minyak mentah turut didorong oleh paras inventori global yang semakin ketat serta ancaman gangguan terhadap penghantaran minyak dari Arab Saudi.

Pasaran petroleum global dijangka kekal tidak menentu selagi penyelesaian konflik belum dimuktamadkan. Meskipun usaha untuk menghidupkan semula rundingan dan cadangan gencatan senjata telah mengehadkan sebahagian kenaikan harga, perkembangan tersebut masih belum meredakan kebimbangan pasaran terhadap risiko gangguan bekalan.

Walaupun bekalan bahan api negara kekal mencukupi buat masa ini, Kerajaan MADANI menyeru rakyat agar terus mengamalkan penggunaan bahan api secara berhemat. Merancang perjalanan yang lebih cekap serta mengurangkan perjalanan yang tidak perlu dapat membantu memanjangkan bekalan negara dan mengurangkan tekanan terhadap perbelanjaan subsidi.

Penetapan harga runcit petrol dan diesel tanpa subsidi bagi tempoh **23 Julai hingga 29 Julai 2026** adalah seperti berikut:

Harga Runcit

Bahan Api	Harga Runcit	Perubahan
RON97	RM4.20 seliter (harga 22 Julai 2026: RM4.00 seliter)	Naik 20 sen
RON95	RM3.62 seliter (harga 22 Julai 2026: RM3.42 seliter)	Naik 20 sen
Diesel	RM4.42 seliter (harga 22 Julai 2026: RM4.07 seliter)	Naik 35 sen

Harga petroleum bersubsidi yang dikekalkan adalah seperti berikut:

Bahan Api	Harga Subsidi
RON95 (BUDI95)	RM1.99 seliter
Diesel (BUDI Diesel)	RM2.10 seliter
Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS)	RM2.05 seliter
Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)	RM2.15 seliter

Melalui BUDI MADANI RON95 (BUDI95) dan BUDI MADANI Diesel (BUDI Diesel), rakyat Malaysia yang layak terus boleh membeli RON95 dan diesel bersubsidi menggunakan MyKad, tertakluk kepada kelayakan dan baki kelayakan bulanan masing-masing.

Kerajaan MADANI akan terus mengambil pendekatan berhemah bagi melindungi rakyat daripada turun naik harga, di samping memastikan bekalan bahan api negara kekal mencukupi dan terjamin.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

22 Julai 2026